



**TEKS UCAPAN**  
**YB LOKE SIEW FOOK**  
**MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**

Sempena:  
**MAJLIS SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI JPJ KE-79**  
**“REFORMASI • SINERGI • INTEGRITI”**

Di:  
**STADIUM INDERA MULIA, IPOH, PERAK**

**19 APRIL 2025 (SABTU)**  
**2.45 PETANG**

Terima kasih, Saudara/Saudari Pengacara Majlis

## [RUJUK SALUTASI TERKINI]

### **Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.**

1. Pertama sekali saya bersyukur pada hari ini, kita dapat berhimpun di **Majlis Sambutan Ulang Tahun Hari JPJ Ke-79**, yang sangat bermakna ini. Setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia kerana sentiasa komited dalam memberi perkhidmatan yang terbaik seiring dengan kematangan penubuhan JPJ yang ke-79 tahun.
  
2. Saya turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Perak atas kerjasama yang erat dan berterusan dalam menjayakan program pada hari ini serta pelbagai inisiatif JPJ di negeri ini. Sokongan yang diberikan amat bermakna dalam usaha kita memastikan sistem pengangkutan darat yang lebih cekap, selamat dan mesra rakyat.

3. Di kesempatan ini juga, saya turut merakamkan ucapan terima kasih di atas sokongan yang tidak berbelah bahagi daripada rakan-rakan strategik JPJ serta warga JPJ yang diraikan dan sambutan ini merupakan komitmen JPJ untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat melalui pengisian program, aktiviti dan servis secara langsung sepanjang berlangsungnya sambutan Hari JPJ.

**Tuan-tuan & Puan-puan,**

**DEDIKASI DAN PENGORBANAN WARGA JPJ**

4. Dalam mencapai usia yang ke-79 ini, pelbagai cabaran dan rintangan telah dihadapi oleh JPJ sebagai jabatan yang berada di barisan hadapan. Peranan dan tanggungjawab yang sangat besar dalam menguatkuasa dan mentadbir hal ehwal pengangkutan jalan adalah demi memastikan keselamatan jalan raya di negara ini.
5. Ramai mungkin tidak tahu betapa perit dan susahnya warga JPJ dalam menjalankan tugas berpanas berhujan. Tugas sebagai anggota JPJ bukanlah tugas yang boleh dipandang enteng kerana ia merupakan satu amanah dan

tanggungjawab besar yang disertai dengan risiko. Cabaran ini sedikit sebanyak mematangkan JPJ dan warganya dalam memenuhi harapan rakyat dan tugasan bagi memastikan JPJ kekal relevan dan kompetitif.

6. Kejayaan-kejayaan JPJ meliputi pelbagai aspek, khususnya dalam bidang penguatkuasaan bagi menangani isu kemalangan jalan raya yang melibatkan kenderaan berat serta kenderaan perkhidmatan awam. Di samping itu, JPJ juga terus mendekati rakyat melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif mesra rakyat atau *touch-point* seperti Program Pertukaran Topi Keledar, Program MyLESEN, pelaksanaan sistem e-Testing dan pelbagai lagi usaha transformasi digital yang bertujuan meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan JPJ.
7. JPJ terus menunjukkan prestasi yang membanggakan dari segi memudahkan proses pembayaran untuk rakyat merangkumi pelbagai urusniaga seperti bayaran lesen memandu, cukai jalan serta nombor pendaftaran kenderaan yang boleh dibuat secara atas talian. Pencapaian hasil ini bukan sahaja mencerminkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan sekaligus menyumbang secara langsung

kepada pendapatan negara, dan memperkuatkan lagi kedudukan JPJ sebagai antara agensi penyumbang hasil yang signifikan di bawah Kementerian Pengangkutan.

8. Dalam mencapai kejayaan yang dikehendaki hari ini, saya sedar ia bukanlah sesuatu yang mudah. Pelbagai cabaran telah dilalui, namun saya percaya warga JPJ telah menunjukkan kecekalan, komitmen dan semangat juang yang tinggi dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan tanpa mengorbankan nilai integriti dan profesionalisme.

**Tuan-tuan & Puan-puan,**

**79 TAHUN – “REFORMASI • SINERGI • INTEGRITI”**

9. Bagi Sambutan Hari JPJ Ke-79 pada tahun ini, dengan tema Reformasi • Sinergi • Integriti, JPJ Malaysia terus giat melaksanakan reformasi dalam penyampaian perkhidmatan melalui pendigitalan. Salah satu langkah penting adalah pelaksanaan aplikasi MyJPJ, yang kini terus diperkasakan dengan pembayaran dalam talian integrasi e-wallet, hasil kerjasama strategik dengan TNG Digital.

10. Buat masa ini, pengguna MyJPJ telah melebihi 12 juta pengguna. Dengan penambahan kaedah pembayaran melalui *e-wallet* TnGO, pelanggan JPJ boleh melakukan urusniaga pembaharuan LKM, LMM & pembayaran saman melalui aplikasi MyJPJ. Inisiatif ini dijangka akan menarik lebih ramai pengguna untuk beralih kepada perkhidmatan atas talian, sekali gus menyumbang kepada peningkatan transaksi tanpa tunai di peringkat Jabatan.
11. Bagi mempertingkatkan pengalaman pelanggan JPJ secara berterusan, JPJ akan memperkenalkan **Portal Rasmi Baharu JPJ** selari dengan usaha pemodenan dan inovasi berterusan. Ciri-ciri portal ini termasuk penggunaan teknologi terkini, reka bentuk dan susun atur yang minimalistik dan kemas.
12. Sebagai tambahan, JPJ juga akan memperkenalkan saluran tambahan bagi bidaan nombor pendaftaran kenderaan iaitu JPJeBid Mobile. Aplikasi mudah alih ini akan menggunakan teknologi terkini, seamless dan mesra pengguna.
13. Sebahagian hasil daripada penawaran Nombor Plat Istimewa telah membolehkan Kementerian Pengangkutan Malaysia

(MOT) melaksanakan inisiatif-inisiatif rakyat seperti Program MyLESEN B2, Program Pertukaran Topi Keledar, dan subsidi tiket penerbangan FlySISWA.

**Tuan-tuan & Puan-puan,**

14. Sebagaimana semua sedia maklum, dalam proses mendapatkan suatu lesen memandu, seorang calon perlu menduduki dan lulus modul **Kurikulum Pendidikan Pemandu (KPP) Bahagian 01** iaitu elemen pembelajaran melibatkan skop peraturan jalan raya, kaedah pemanduan selamat, keselamatan jalan raya, pengurusan kenderaan dan kesalahan-kesalahan umum di jalan raya.
15. Pada masa ini, modul KPP01 melibatkan kelas motosikal dan motokar adalah berasingan. Secara ringkasnya ini bermakna, sekiranya seorang calon telah mempunyai lesen memandu dalam kelas motosikal dan berhasrat untuk menambah kelas motokar, calon tersebut perlu menduduki semula modul KPP01 bagi motokar.
16. Namun, saya telah mengumumkan penambahbaikan dalam tahun 2023 di mana tiada lagi keperluan untuk perkara ini

dilaksanakan. Lanjutan kepada ketetapan dasar tersebut, kedua-dua modul KPP01 motosikal dan motokar yang sebelum ini adalah berasingan, kini telah dikemaskini menjadi satu modul pembelajaran sahaja, untuk memberikan penekanan tambahan kepada pemanduan secara selamat.

17. Dengan pengenalan modul integrasi ini, manfaat berikut akan dinikmati oleh bakal-bakal calon lesen memandu bagi kedua kelas tersebut:-
  - (i) Hanya perlu menduduki satu kelas teori modul KPP01 sahaja bagi kedua-dua kelas kendaraan motor;
  - (ii) Menjimatkan kos untuk mendapatkan suatu lesen memandu; dan
  - (iii) Meningkatkan keberkesanan pembelajaran di mana elemen-elemen yang bertindih boleh digabungkan, dan pembelajaran akan memberi fokus kepada elemen-elemen utama berkaitan kedua-dua jenis kendaraan motor, terutamanya dalam aspek pemanduan selamat.
18. Bagi membolehkan proses peralihan daripada kaedah pengajaran sedia ada kepada penggunaan modul integrasi ini termasuk menguruskan calon-calon belajar memandu sedia ada, penggunaan modul ini dijangka akan berkuatkuasa pada

hujung tahun ini. Pihak JPJ akan mengeluarkan maklumat-maklumat lanjut mengenai syarat-syarat, kaedah pelaksanaan dan prosedur pengoperasian.

**Tuan-tuan & Puan-puan,**

**KOMITMEN KERAJAAN KEPADA JPJ**

19. Sambutan Hari JPJ pada kali ini amat bermakna kerana kita laksanakan di Negeri Perak. Saya dimaklumkan bahawa JPJ Perak menerima purata jumlah pelanggan tahunan sebanyak 797,067 orang, angka yang menunjukkan keperluan perkhidmatan JPJ yang amat tinggi di negeri ini. Pada masa ini, terdapat sebanyak tujuh (7) cawangan JPJ di seluruh negeri Perak.
20. Namun begitu, masih terdapat pelanggan yang perlu melakukan perjalanan jauh, sebagai contoh, dari Kuala Kangsar ke Ipoh sejauh kira-kira 40 kilometer semata-mata untuk mendapatkan perkhidmatan JPJ.
21. Saya melihat terdapat keperluan yang amat signifikan untuk pembukaan sebuah Pejabat JPJ Cawangan di Kuala

Kangsar. Dengan kewujudan pejabat cawangan ini, saya yakin ia akan memberi manfaat besar kepada penduduk setempat dan kawasan sekitarnya, dalam mendapatkan perkhidmatan JPJ tanpa perlu melakukan perjalanan jauh.

**Tuan-tuan & Puan-puan,**

**PENUTUP**

22. Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga JPJ di atas segala jasa dan khidmat bakti yang telah dicurahkan demi menjaga kesejahteraan dan keselamatan pengguna jalan raya di negara ini.
23. MOT akan terus memberikan sokongan kepada pihak JPJ dalam setiap usaha yang dilaksanakan dalam memperkasa sistem pengangkutan darat negara, khususnya dalam aspek penguatkuasaan, keselamatan jalan raya serta penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.
24. Terima kasih kepada pihak JPJ, Kerajaan Negeri Perak serta semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung

dalam menjayakan Majlis Sambutan Ulang Tahun Hari JPJ Ke-79 pada hari ini.

25. Maka dengan sukacitanya, saya merasmikan **Sambutan Ulang Tahun Hari JPJ Ke-79**.
26. Sekian, terima kasih, dan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir & Batin!

**[TAMAT]**